



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

## **KENYATAAN MEDIA**

**BIL.17/ 2018**

### **KEPUTUSAN MAHKAMAH BUKTI PERSEMPADANAN SEMULA SPR BERPERLEMBAGAAN**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memaklumkan bahawa ia sentiasa menghormati keputusan Mahkamah walau di peringkat mana sekali pun ianya diputuskan. Ini berikutan Keputusan Mahkamah Persekutuan yang menolak permohonan beberapa pihak untuk memulakan semakan kehakiman bagi mencabar urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian Pilihan Raya yang dijalankan oleh SPR di Negeri Perak dan Melaka.
2. Dengan keputusan tersebut, ianya membuktikan bahawa segala urusan Kajian Semula Persempadanan yang dijalankan oleh SPR melibatkan Negeri Melaka dan Perak adalah berperlembagaan kerana telah mematuhi dan memenuhi segala prinsip dan prosedur yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, SPR berharap semua pihak akur dan menghormati keputusan mahkamah itu.
3. SPR mengambil maklum akan keputusan tersebut sebagai satu pengiktirafan kehakiman berkaitan pembahagian kuasa antara eksekutif, perundangan dan kehakiman selaras dengan doktrin pengasingan kuasa yang menjadi amalan di Negara ini.
4. Dalam hal yang berkaitan, SPR juga mengambil maklum akan keputusan Mahkamah Rayuan pada hari ini yang telah menolak rayuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkaitan urusan Kajian Semula Persempadanan di negeri berkenaan. Walaubagaimana pun, SPR tidak dapat memberikan ulasan lanjut berkaitan keputusan kes itu memandangkan masih terdapat beberapa kes lain yang belum selesai di peringkat mahkamah tertinggi.

5. Selaras dengan tanggungjawab yang diamanahkan, SPR akan meneruskan kerja-kerja urusan Kajian Semula Persempadanan sehingga laporan akhir diserahkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sepertimana yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan.

6. Tanggungjawab SPR dalam urusan berkenaan akan selesai setelah laporan akhir diserahkan kepada YAB Perdana Menteri. Manakala berkaitan urusan pembentangan laporan tersebut di Dewan Rakyat, ianya adalah terpulang kepada budi bicara YAB Perdana Menteri sama ada bila laporan tersebut akan dibentangkan di Dewan Rakyat kerana ia bukan lagi di bawah bidang kuasa SPR.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

**PUTRAJAYA**

Tarikh: 21 Februari 2018 / 5 Jamadil Akhir 1439H